

LATAR BELAKANG

Kelas agama bagi negeri Terengganu telah ditubuhkan semenjak tahun 1981 selaras dengan enakmen negeri Terengganu nombor 41/74 (c).

Sejarah kelas agama petang di Terengganu sudah bermula sejak awal tahun 60-an dan telah di biayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri Terengganu dibawah Jabatan hal ehwal agama Terengganu sejak 1974.

Apabila Yayasan Islam Terengganu ditubuhkan, tugas pengurusan kelas agama petang dipertanggungjawab sepenuhnya kepada Yayasan Islam Terengganu. Pada tahun 1990, kerajaan persekutuan melalui JAKIM (pusat Islam) mula menyalurkan peruntukan kepada YIT apabila program KAFA ini ditubuhkan diperingkat kebangsaan.

OBJKTIF PENUBUHAN KELAS KAFA

Untuk memastikan semua kanak-kanak islam di sekolah negeri Terengganu boleh membaca al-quran dengan baik dan betul serta memahami pengetahuan asas mengenai fardhu ain serta mendapat latihan amali yang sempurna bagi membolehkan mereka beramal dan menjadi muslim yang baik.

Bagi membolehkan semua pelajar islam yang tamat pengajian sekolah rendah dinegeri ini mencapai tahap yang seragam dalam Pendidikan dan pengetahuan agama islam khususnya kemahiran membaca al-quran dengan betul.

VISI KAFA

Melahirkan generasi khaira ummah yang beriman dan berakhlaq serta menghayati kehidupan beragama islam.

MISI KAFA

Menyediakan perkhidmatan pendidikan islam yang berkualiti dan kondusif kepada semua kanak-kanak islam yang berumur 7 hingga 11

HUBUNGI KAMI

 admin@yit.gov.my/

 +609-630-0300 / 301 / 302 / 303

atau scan sini



PENGAJIAN KELAS AL-QURAN & FARDHU AIN (KAFA)

Yayasan Islam Terengganu



www.yit.gov.my/


TERBUKA KEPADA PELAJAR

Berumur 7 hingga 11 tahun

Semak Lokasi Kelas KAFA Berdaftar

<https://simpeni.islam.gov.my/>

KELAS AL-QURAN & FARDHU AIN



SILIBUS PEMBELAJARAN

- Bidang Al-Quran
- Akidah
- Ibadah
- Sirah
- Adab
- Bahasa Arab / Lughul Quran
- Jawi dan Khat
- Tahfiz al-Quran
- Menggunakan Kurikulum dan Buku Teks yang ditetapkan oleh JAKIM



Carta Pengurusan KAFA

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Islam Terengganu (YIT)
- Unit KAFA, Bahagian Pendidikan Yayasan Islam Terengganu
- Pejabat Yayasan Islam Terengganu Daerah



Pelaksanaan Kelas KAFA

Lokasi

Terdapat lebih 380 premis kelas KAFA yang dijalankan di Sekolah-sekolah kebangsaan, Sekolah Agama Rakyat di Felda dan Felcra, Masjid, Surau dan lain-lain tempat yang berdaftar di seluruh Negeri Terengganu



Jadual Pembelajaran

Diadakan 36 jam seminggu dan dijalankan pada hari AHAD, ISNIN dan RABU selama 3 JAM pembelajaran



Perakuan akademik KAFA

Menjalankan Peperiksaan UPKK dibawah JAKIM yang diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia,